

Utusan Malaysia – 04 Jun 2009

Ikatan Kekeluargaan Cegah Gejala Sosial

DUNIA kini berdepan dengan fenomena yang membimbangkan. Seiring dengan proses pembangunan dan pemodenan yang bertujuan meningkatkan taraf hidup rakyat, timbul juga keruntuhan nilai-nilai kemanusiaan.

Di kebanyakan negara, keruntuhan moral dan nilai kemanusiaan ini, menimbulkan pelbagai masalah seperti penyalahgunaan dadah, hilang rasa hormat kepada ibu bapa dan warga tua, pergaulan bebas serta jenayah di kalangan juvenil dan gejala sosial lain.

Sebagai sebuah negara yang gigih memburu status negara maju, Malaysia tidak terkecuali berdepan masalah di atas. Bukan itu sahaja malah kita juga menghadapi masalah lain berkaitan isu integrasi kaum, perpaduan dan pembinaan bangsa.

Tiada hari berlalu tanpa laporan media berkenaan gejala sosial dan jenayah juvenil termasuk pelajar sekolah.

Jenayah yang sesetengahnya bersifat zalim dan tidak dapat diterima oleh akal yang waras. Ini menimbulkan persoalan, apa yang sedang berlaku dalam masyarakat kita? Di manakah silap kita?

Jalan mudah adalah untuk mengambil sikap sambil lewa dan menganggap kes-kes itu hanya bersifat sementara. Ramai yang mengharap kepincangan sementara itu akan berlalu dan kehidupan akan kembali normal.

Tetapi realitinya ialah jenayah masih berlaku dan berterusan. Oleh itu, kita tidak mempunyai pilihan, kecuali mencari punca berlakunya jenayah tersebut. Seterusnya kita perlu mencari jalan penyelesaian untuk menanganinya.

Jika peningkatan jenayah merupakan kos yang perlu kita tanggung demi pembangunan, maka menjadi kewajipan kita untuk menangani aspek negatif pembangunan ini.

Baru-baru ini negara dikejutkan dengan beberapa kes jenayah seperti rogol, liwat dan pembunuhan. Lebih menyedihkan apabila pelajar sekolah yang tidak berdaya mempertahankan diri turut menjadi mangsa. Perlakuan ganas itu tidak mencerminkan budaya masyarakat kita dan kerana itu kita perlu berusaha membendungnya.

Kini tiba masanya bagi kerajaan dan seluruh rakyat tanpa mengira kaum untuk bersama-sama membanteras jenayah. Paling penting untuk turut mengenal pasti punca berlakunya jenayah terutamanya yang berbentuk kekerasan.

Kita perlu menangani budaya ganas ini secara keseluruhannya kerana ia telah mula menular di dalam masyarakat.

Aksi-aksi ganas sudah menjadi santapan harian bagi golongan muda dan kanak-kanak. Keganasan, perasaan dendam dan kezaliman sudah menjadi perkara biasa yang banyak diselitkan di dalam filem, apatah lagi menerusi rangkaian televisyen satelit.

Aksi-aksi seperti ini sememangnya sangat menarik minat penonton. Siri kartun yang menjadi kegemaran kanak-kanak pun turut menyelitkan aksi ganas.

Oleh itu, kecenderungan dan pengaruh kepada unsur-unsur keganasan semestinya dibendung jika kita serius untuk menangani masalah ini.

Bagaimanakah kita akan menangani situasi ini? Saya berpendapat kita memerlukan satu program besar-besaran yang bertujuan menanam nilai-nilai murni di kalangan semua lapisan masyarakat terutamanya di kalangan belia dan remaja.

Nilai-nilai murni seperti ketaatan terhadap ibu bapa, hormat kepada warga tua, kesabaran, persefahaman dan lain-lain tidak hanya diajar dalam suasana formal di bilik darjah.

Ia juga boleh diterapkan melalui media lain seperti drama muzik yang akan membuat generasi muda kita berfikir tentang nilai-nilai kemanusiaan dan kepentingannya dalam melahirkan keyakinan dan penghormatan diri. Dalam hal ini, sekolah juga boleh berusaha menerapkan nilai ini melalui penggunaan drama dan lagu.

Terdapat dua objektif utama. Pertamanya ialah untuk membantu negara dalam menangani keruntuhan moral dengan menghantar mesej nilai murni yang padu kepada generasi muda dan keduanya ialah untuk menangani masalah polarisasi kaum dengan menggalakkan penyertaan dari pelajar berbilang kaum.

Penumpuan terhadap nilai-nilai kemanusiaan ini akan membantu dalam menghadapi gejala sosial dalam masyarakat kita yang berpunca daripada keruntuhan moral.

Nilai kemanusiaan murni berserta ikatan kekeluargaan yang kukuh merupakan kunci untuk membina masyarakat aman, stabil dan makmur. Dalam berdepan dengan pelbagai gejala sosial, keperluan nilai kemanusiaan dan kekuatan ikatan kekeluargaan menjadi semakin tinggi.

Dalam membanteras gejala sosial ini, penguatkuasaan undang-undang, walaupun penting, tidak mencukupi. Kita harus menangani gejala ini dengan usaha yang lebih gigih untuk menggalakkan kesedaran tentang kepentingan nilai-nilai kemanusiaan sebagai tindakan yang proaktif untuk kebaikan masyarakat kita demi kepentingan masa depan negara.

TAN SRI LEE LAM THYE ialah Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dan juga aktivis masyarakat.